

Kaunselor keluarga banteras gejala sosial

BH - 5/2/2007

Pak Lah harap program SK2 diperluas ke seluruh masyarakat

Oleh Ahmad Naim Tahir

SEREMBAN: Program Satu Keluarga Satu Kaunselor (SK2) yang dilancarkan Umno, semalam diharap mampu melahirkan ahli parti yang bebas daripada gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah serta jenayah, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Presiden Umno yang juga Perdana Menteri berkata, program yang diusahakan Biro Pembangunan Sosial Majlis Tertinggi (MT) parti dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu juga diharap dapat diperluaskan ke seluruh masyarakat di luar parti berkenaan.

"Program ini diharap dapat memastikan tiada seorang pun ahli Umno terbahit dalam penyalahgunaan dadah, iaitu kita capai sifar ketagihan dadah atau sifar jenayah di kalangan ahli keluarga Umno.

"Dengan adanya kaunseling dalam keluarga, ia juga dapat membantu anak dan keluarga menjadi maju dan

berjaya dalam persekolahan," katanya selepas melancarkan program berkenaan, di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang juga Pengerusi Biro Pembangunan Sosial MT Umno serta Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Antara objektif utama program itu ialah untuk memperkasa agenda sosial negara dengan sasaran setiap keluarga ahli Umno mempunyai sekurang-kurangnya seorang kaunselor dari kalangan ahli keluarga sendiri.

Abdullah yang dukacita kerana semakin ramai orang Melayu terjerumus dalam gejala sosial berkata, program terbabit akan dapat membantu memperbaiki kehidupan keluarga ahli Umno seterusnya menjadikan mereka contoh kepada orang ramai.

"Dengan adanya kaunselor yang terlatih dan mempunyai kemahiran dalam keluarga, mereka dapat men-

FAKTA

Matlamat SK2

- Mempertahankan keluarga sejahtera
- Meningkatkan keupayaan kaunseling keluarga
- Menentukan keluarga sebagai institusi yang menyumbang ke arah kesejahteraan
- Meningkatkan jati diri ahli Umno
- Mengukuhkan hubungan kekeluargaan
- Memasyarakatkan kemahiran kaunseling di kalangan pemimpin
- Membudayakan kemahiran kaunseling dalam keluarga

cegah kejadian yang tidak diinginkan sementara menunggu bantuan daripada mana-mana pihak seperti polis.

"Saya harap ini akan mengurangkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung ahli keluarga yang

terbahit dalam apa juga kegiatan jenayah. Kaunseling juga dapat melahirkan suasana kekeluargaan lebih akrab dan sayang menyayangi," katanya.

Sementara itu, Shahrizat berkata, SK2 dilaksanakan menerusi program latihan kemahiran kaunseling yang mengandungi tujuh modul untuk pemimpin Umno peringkat bahagian dengan empat peserta dari setiap negeri dilatih pada peringkat awal.

Beliau berkata, kaunselor terlatih akan mengendalikan latihan kemahiran kaunseling kepada ahli Umno lain secara berperingkat untuk melahirkan seorang kaunselor dalam setiap keluarga ahli parti.

Katanya, pihaknya juga melancarkan kempen pendaftaran sukarelawan kaunselor dan kaunselor bertauliah.

"Di Malaysia, kita mempunyai 12,000 kaunselor terlatih, tetapi sehingga Januari lalu, jumlah yang berdaftar untuk mengamalkan kaunseling secara profesional hanya 525 orang," katanya.